



**KETUA PENGARAH
JABATAN DIGITAL NEGARA
KEMENTERIAN DIGITAL**

Aras 6, Bangunan MKN Embassy Techzone
Blok B, No. 3200 Jalan Teknokrat 2
63000 Cyberjaya, Sepang
SELANGOR DARUL EHSAN
MALAYSIA

Tel : 603-8872 3010
Laman Web : www.jdn.gov.my
Emel : fazidah@jdn.gov.my

Ruj. kami : JDN.100-9/2/1(31)
Tarikh : 28 April 2025

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk Wira/ Datuk/ Dato'/ Tuan,

PANDUAN PELAKSANAAN WAJAH DIGITAL LOBI PEJABAT KERAJAAN

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk Wira/ Datuk/ Dato'/ Tuan kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Digital Negara (JDN) telah melaksanakan inisiatif Wajah Digital Lobi Pejabat Kerajaan. Inisiatif ini bertujuan mewujudkan imej baharu kepada lobi pejabat kerajaan melalui penggunaan teknologi digital. Inisiatif yang diperkenalkan ini merupakan sebahagian daripada usaha pendigitalan Kerajaan untuk memastikan penyampaian perkhidmatan dan maklumat kepada orang awam yang berurusan di premis kerajaan dapat dilaksanakan dengan lebih efisien.

3. Inisiatif Wajah Digital Lobi Pejabat Kerajaan melibatkan lima elemen utama iaitu;

- a. Kemudahan Capaian Internet Berkelajuan Tinggi.
- b. Aplikasi Komunikasi Pintar.
- c. Sistem Kehadiran Pelawat.
- d. Papan Digital Bagi Paparan Maklumat/ Perkhidmatan.
- e. Kemudahan Infrastuktur Perkhidmatan Digital.

4. Sehubungan itu, JDN telah menyediakan Panduan Wajah Digital Lobi Pejabat Kerajaan untuk dijadikan rujukan kepada kementerian bagi menerangkan elemen digital utama dan seragam yang boleh dipertimbangkan dalam melaksanakan inisiatif ini. Panduan ini juga boleh dipanjangkan kepada jabatan/agensi di bawah kawalan kementerian masing-masing. Bersama-sama ini disertakan Panduan Wajah Digital Lobi Pejabat Kerajaan atau boleh dicapai di laman web repositori dasar JDN di pantuan <https://dasar.jdn.gov.my>.

5. Pelaksanaan inisiatif ini antaranya diharapkan dapat mewujudkan ruang pejabat kerajaan khususnya di lobi dengan suasana baharu yang lebih kondusif berkonsepkan teknologi digital yang selamat, pantas dan cerdas demi memenuhi keperluan rakyat. Inisiatif ini digalakkan untuk dilaksanakan oleh kementerian tertakluk kepada ketersediaan dan kebolehan pelaksanaan di peringkat kementerian masing-masing.


6. Perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk Wira/ Datuk/ Dato'/ Tuan dalam menjayakan inisiatif ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK TS. DR. FAZIDAH BINTI ABU BAKAR)

SENARAI EDARAN

1. **YBhg. Datuk Johan Mahmood Merican**
Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan
Aras 10, Blok Tengah
Kompleks Kementerian Kewangan
Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 Putrajaya
2. **YBhg. Datuk Lokman Hakim bin Ali**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pertahanan
Aras 5, Wisma Pertahanan
Jalan Padang Tembak
50634 Kuala Lumpur
3. **YBhg. Dato' Ts. Dr. Haji Aminuddin bin Hassim**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan
Aras 8, Blok E8, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya
4. **YBhg. Datuk Seri Haji Hasnol Zam Zam bin Haji Ahmad**
Ketua Setiausaha
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
Aras 6, Blok C5, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62662 Putrajaya
5. **YBhg. Datuk Seri Isham bin Ishak**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
Aras 15, Menara 4G1, Wisma Tani
No 28, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62624 Putrajaya
6. **YBhg. Dato' Sri Suriani binti Dato' Ahmad**
Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan
Aras 12, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya

7. **YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof**
Ketua Setiausaha
Kementerian Sumber Manusia
Aras 9, Blok D3, Kompleks Setia Perkasa
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62530 Putrajaya
8. **YBhg. Dato' Sri Amran bin Mohamed Zin**
Ketua Setiausaha
Kementerian Luar Negeri
Aras 3, Wisma Putra 1
No. 1, Jalan Wisma Putra
Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62602 Putrajaya
9. **YBhg. Datuk Dr. Maziah binti Che Yusoff**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga
dan Masyarakat
Aras 36, No.55, Persiaran Perdana
Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 Putrajaya
10. **YBhg. Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi**
Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara
Aras 10, Blok F9, Kompleks F
Lebuhraya Perdana Timur, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62000 Putrajaya
11. **YBhg. Dato' Nor Azmie bin Diron**
Ketua Setiausaha
Kementerian Ekonomi
Aras 8, Menara Prisma
No.26, Persiaran Perdana, Presint 3
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62675 Putrajaya
12. **YBhg. Dato' Yusran Shah bin Mohd Yusof**
Ketua Setiausaha
Kementerian Perladangan dan Komoditi
Aras 10, No. 15
Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62654 Putrajaya

13. **YBhg. Datuk Wira M Noor Azman bin Taib**
Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Aras 17, No. 51
Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 Putrajaya
14. **YBhg. Datuk Dr. Anesee bin Ibrahim**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62200 Putrajaya
15. **YBhg. Datuk Awang Alik bin Jeman**
Ketua Setiausaha
Kementerian Dalam Negeri
Aras 12, Blok D1, Kompleks Setia Perkasa
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62546 Putrajaya
16. **YBhg. Datuk Abd Shukor bin Mahmood**
Timbalan Ketua Setiausaha Kanan
Jabatan Perdana Menteri
Aras 4, Setia Perdana 8
Kompleks Setia Perdana
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya
17. **YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimie bin Daud**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
Aras 5, Blok E4/5, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62668 Putrajaya
18. **YBhg. Dato' Jana Santhiran a/l Muniayan**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pengangkutan
Aras 9, No. 26, Jalan Tun Hussein
Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 Putrajaya

19. **YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar**
Ketua Setiausaha
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup
Aras 11, (Menara)
No. 13, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62623 Putrajaya

20. **YBhg. Dato' Ts. Dr. Nagulendran a/l Kangayatkarasu**
Ketua Setiausaha
Kementerian Belia dan Sukan
Aras 15, Menara KBS
No. 27, Persiaran Perdana
Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62570 Putrajaya

21. **YBhg. Datuk Mohamad Fauzi bin Md Isa**
Ketua Setiausaha
Kementerian Komunikasi
Aras 35, Lot 4G9, Persiaran Perdana
Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 Putrajaya

22. **YBhg. Dato' Mad Zaidi bin Mohd Karli**
Ketua Setiausaha
Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air
Aras 15, Menara PETRA,
No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62574 Putrajaya

23. **YBhg. Dato' Hairil Yahri bin Yaacob**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri
Tingkat 28, Menara MITI
No.7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
50480 Kuala Lumpur

24. **YBhg. Datuk Dr. Ching Thoo a/I Kim**
Ketua Setiausaha
Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
Blok F11, Kompleks F
Lebuh Perdana Timur, Presint 1
62000 Putrajaya
25. **YBhg. Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar**
Ketua Setiausaha
Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
Aras 30, No. 47, Persiaran Perdana
Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 Putrajaya
26. **YBhg. Dato' Seri Azman bin Ibrahim**
Ketua Setiausaha
Kementerian Kerja Raya
Aras 5, Blok A
Kompleks Kerja Raya
Jalan Sultan Salahuddin
50580 Kuala Lumpur
27. **YBhg. Dato' Shahrudin bin Abu Sohot**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
Aras 17, No. 2, Menara 1
Jalan P5/6, Presint 5
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62200 Putrajaya
28. **YBhg. Encik Fabian Bigar**
Ketua Setiausaha
Kementerian Digital
Aras 14, Menara Usahawan
Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62652 Putrajaya



KEMENTERIAN DIGITAL
JABATAN DIGITAL NEGARA

PANDUAN PELAKSANAAN WAJAH DIGITAL LOBI PEJABAT KERAJAAN



SENARAI KANDUNGAN

01

Prakata Ketua Pengarah Jabatan Digital Negara

02

Tujuan

03

Pengenalan Wajah Digital Lobi Pejabat Kerajaan

- Pendahuluan
- Definisi Wajah Digital Lobi Pejabat Kerajaan

04

Elemen Wajah Digital Lobi Pejabat Kerajaan

- Kemudahan Capaian Internet Berkelajuan Tinggi
- Aplikasi Komunikasi Pintar
- Sistem Kehadiran Pelawat
- Papan Digital Bagi Paparan Maklumat /Perkhidmatan
- Kemudahan Infrastruktur Perkhidmatan Digital

05

Penutup

06

Maklumat Perhubungan



01

**PRAKATA KETUA PENGARAH
JABATAN DIGITAL NEGARA**

PRAKATA KETUA PENGARAH JABATAN DIGITAL NEGARA

Assalamualaikum, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI

Dalam era digital yang semakin maju, Jabatan Digital Negara (JDN) sentiasa berusaha untuk memastikan setiap lapisan masyarakat dapat merasai impak positif daripada transformasi pendigitalan yang dijalankan. Perkhidmatan kerajaan kini semakin beralih kepada perkhidmatan digital dalam memudahkan rakyat berurusan dengan kerajaan. Namun begitu, perkhidmatan yang diberikan secara fizikal atau kaunter kepada rakyat melalui premis dan pejabat kerajaan masih relevan bagi kumpulan rakyat dan jenis urusan tertentu.

Seiring dengan itu, "Wajah Digital Lobi Pejabat Kerajaan" diperkenalkan sebagai suatu inisiatif pendigitalan yang menggambarkan imej baharu pejabat kerajaan yang menerapkan penggunaan teknologi digital. Inisiatif ini merupakan usaha kerajaan untuk menjadi lebih responsif, telus, dan mesra pelanggan terutama kepada rakyat yang menerima perkhidmatan kerajaan.

Untuk itu, Panduan Wajah Digital Lobi Pejabat Kerajaan ini disediakan sebagai rujukan kepada agensi di sektor awam memahami elemen digital dalam imej baharu pejabat masing-masing. Diharapkan inisiatif ini menjadi inspirasi bagi semua pihak untuk terus bergerak ke hadapan mendepani era digital dan teknologi yang kian pesat. Seterusnya, usaha murni ini juga diharap memberi manfaat yang signifikan kepada rakyat dan negara.

Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada seluruh pasukan dan semua pihak atas sokongan dan sumbangan dalam merealisasikan pelaksanaan Wajah Digital Lobi Pejabat Kerajaan ini.

Sekian, terima kasih.



YBHG. DATUK. TS. DR. FAZIDAH BINTI ABU BAKAR
KETUA PENGARAH
JABATAN DIGITAL NEGARA

02 TUJUAN

TUJUAN

01

Panduan Wajah Digital Lobi Pejabat Kerajaan ini diterbitkan oleh Jabatan Digital Negara untuk dijadikan rujukan kepada kementerian dalam melaksanakan inisiatif Wajah Digital Lobi Pejabat Kerajaan.

02

Panduan ini menerangkan elemen digital utama dan seragam yang boleh dipertimbangkan dalam merancang perubahan dan penambahbaikan ruang kerja pejabat berkonsepkan digital.

03

**PENGENALAN WAJAH
DIGITAL LOBI PEJABAT KERAJAAN**

3.1 Pendahuluan

PENDAHULUAN



Pada masa kini, pendigitalan menjadi pemacu utama kepada pembangunan dan kemajuan sesebuah negara melalui peningkatan produktiviti dan kualiti, pembangunan sosial serta pertumbuhan ekonomi negara secara keseluruhan. Pendigitalan juga telah turut mengubah cara kita berinteraksi, capaian kepada maklumat dan teknologi digital ke arah penghasilan inovasi demi kesejahteraan rakyat secara menyeluruh.

Melalui pendigitalan, pelbagai urusan kerajaan dapat dipermudahkan bagi meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan kerajaan supaya rakyat dapat memperoleh manfaat daripadanya. Pemboleh daya strategik Digitalisasi Perkhidmatan Rakyat sebagai penggerak kepada tonggak Malaysia MADANI menekankan supaya agenda pendigitalan kerajaan sentiasa diberi keutamaan. Sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan perlu sentiasa dipertingkatkan dan diperkasakan dengan memfokuskan kepada keperluan rakyat serta bersifat telus supaya rakyat dapat merasai manfaat keberhasilannya. Perkara ini berteraskan nilai dalam memupuk keyakinan, meningkatkan daya cipta, menghormati kepelbagaian dan mewujudkan kesejahteraan kepada negara secara keseluruhan iaitu selari dengan nilai-nilai Malaysia MADANI.

PENDAHULUAN



Dalam hal ini, adalah wajar agensi kerajaan mengambil inisiatif untuk menyediakan kemudahan berasaskan teknologi digital kepada pelanggan yang hadir berurusan di premis kerajaan agar urusan seperti pendaftaran di kaunter serta carian maklumat lebih mudah dan cepat. Langkah menyediakan kemudahan digital yang seragam di pejabat kerajaan ini bukan sahaja dapat meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan kerajaan tetapi juga menampilkan suatu imej organisasi yang positif dan profesionalisme terhadap perkhidmatan awam.

Sehubungan itu, inisiatif Wajah Digital Lobi Pejabat Kerajaan perlu dilaksanakan bagi memastikan penyampaian maklumat kepada orang awam dapat dilakukan secara lebih efisien melalui sokongan teknologi digital. Antara kebaikan yang dapat diperolehi dengan pelaksanaan Wajah Digital Lobi Pejabat Kerajaan adalah seperti berikut:

- a) Mewujudkan ruang pejabat kerajaan dengan suasana baharu yang lebih kondusif berkonsepkan teknologi digital yang selamat, pantas dan cerdas demi memenuhi keperluan rakyat.
- b) Menyediakan pengalaman pelanggan yang lebih baik dan berkesan serta mengurangkan kebergantungan pelawat untuk mendapatkan maklumat di kaunter.
- c) Menyediakan kemudahan digital yang seragam di lobi pejabat kerajaan yang dapat menampilkan suatu imej organisasi yang positif dan inovatif terhadap perkhidmatan awam.

3.2 Definisi Wajah Digital Lobi Pejabat Kerajaan

Apakah Wajah Digital Lobi Pejabat Kerajaan?



01

Inisiatif ini dilengkapi dengan teknologi digital, dan kawalan kandungan secara digital.

Dua
ciri utama
yang
diketengahkan
dalam Wajah
Digital Lobi
Pejabat
Kerajaan


02

Inisiatif ini menerapkan konsep inovasi tanpa mengabaikan aspek keselamatan di persekitaran digital lobi pejabat Kerajaan.

04

**ELEMEN WAJAH DIGITAL LOBI
PEJABAT KERAJAAN**

Lima elemen ini merupakan keperluan utama yang dicadangkan bagi mewujudkan Wajah Digital Lobi Pejabat Kerajaan



01

Kemudahan Capaian Internet Berkelajuan Tinggi

01

Merujuk kepada penggunaan rangkaian telekomunikasi bersepadu kerajaan MyGov*Net yang berkelajuan tinggi dan dilengkapi ciri keselamatan yang terurus di bawah pengurusan JDN

02

Pengendalian aplikasi atau sistem yang menggunakan rangkaian ini dapat dilaksanakan secara mudah dan berpusat melalui sambungan secara intranet dan juga internet.

03

Pengurusan kandungan aplikasi berteraskan *cloud services* membolehkan perkongsian maklumat secara pantas dan seragam dilaksanakan.

04

Pengguna akan memperoleh tahap pengalaman pengguna yang optimum melalui interaksi yang lancar tanpa gangguan capaian.

05

Di JDN, premis jabatan dilengkapi dengan kemudahan MyGov*Net yang membolehkan capaian elemen wajah digital yang lancar.

Nota:

- Penggunaan rangkaian 5G bergantung kepada ketersediaan pemasangan di premis agensi.
- Agensi boleh merujuk kepada pihak Digital Nasional Berhad (DNB) untuk maklumat lanjut.



02

Aplikasi Komunikasi Pintar

01

Merujuk kepada penggunaan chatbot pintar dan mesra pengguna yang dibangunkan dengan kecerdasan buatan generatif (Generative AI - GenAI). Chatbot ini boleh berinteraksi dengan manusia secara semula jadi, memahami konteks dan memberikan jawapan yang jelas serta tepat.

03

Chatbot pintar sesuai dipasang pada peralatan interaktif seperti papan digital dan boleh diintegrasikan dengan pelbagai platform dan sistem seperti pada laman web dan sistem pengurusan pelanggan.

02

Sebagai sebuah aplikasi chatbot pintar, ia mampu berinteraksi melalui teks dan suara yang dapat memberikan pengalaman pengguna yang lebih nyata seperti berkomunikasi dengan manusia sebenar. Ia menawarkan interaksi yang dinamik, responsif dan berkesan dengan menyampaikan maklumat yang tepat dan mudah difahami untuk mendapatkan perkhidmatan daripada sesebuah agensi.

04

Di JDN, aplikasi chatbot pintar yang dinamakan AI@JDN berkhidmat untuk pelanggan melalui papan digital yang ditempatkan di lobi.



03

Sistem Kehadiran Pelawat

01

Merujuk kepada penggunaan aplikasi yang menguruskan kehadiran pelawat di pejabat kerajaan secara digital yang secara umumnya dikenali sebagai sistem kehadiran pelawat.

02

Sistem ini boleh mengaplikasikan kod QR atau teknologi yang lebih tinggi seperti pengecaman wajah yang membolehkan urusan seperti pendaftaran pelawat dapat dilaksanakan dengan lebih mudah dan cepat. Sistem kehadiran pelawat menyokong pengurusan pelawat yang selamat, cekap dan profesional, sejajar dengan transformasi digital kerajaan.

03

Di JDN, sistem kehadiran pelawat yang dikenali sebagai eVisitor telah digunakan dalam merekod dan mengurus kehadiran pelawat bagi menggantikan buku log manual. eVisitor mempercepatkan proses daftar masuk pelawat melalui imbasan kod QR dan pengenalan wajah, memastikan keselamatan dengan kawalan akses dan memudahkan audit melalui rekod digital. Sistem ini menggunakan teknologi terbuka, infrastruktur perkomputeran awan di Pusat Data Sektor Awam (PDSA) serta mematuhi standard keselamatan dan privasi data.

Jabatan Digital Negara



Pendaftaran Pelawat

Pendaftaran Pelawat
Jabatan Digital Negara

Choose Language: ▾

Nama Penuh* :

Kategori ID* :

No. ID (NRIC/Pasport/Others)* :

No. Telefon Bimbit* :

Tujuan lawatan* :

Bahagian dilawati* :

Pegawai dijumpai* :

Selfie Foto* :

Buka Kamera

Daftar Rekod

Pelawat dikehendaki memberikan nama dan nombor telefon sebelum masuk. Dengan berkongsi maklumat ini, anda menyatakan persetujuan anda untuk pengumpulan dan pemrosesan data peribadi anda, dengan mematuhi kaedah dan prosedur yang diperlukan yang penting untuk tujuan lawatan anda.

04 Papan Digital Bagi Paparan Maklumat/ Perkhidmatan

01 ●

Merujuk kepada penggunaan papan digital (digital signage) dengan resolusi tinggi yang mampu memaparkan maklumat dalam bentuk video, grafik interaktif, dan kandungan multimedia secara profesional.

02 ●

Penggunaan papan digital bukan sahaja dapat meningkatkan pengalaman pengguna bagi mendapatkan perkhidmatan dan maklumat agensi, tetapi juga dapat meningkatkan penampilan dan suasana pejabat yang lebih menarik dan profesional.

03 ●

Untuk meningkatkan pengalaman pengguna, antara muka papan digital perlu direka bentuk dengan jelas dan mudah difahami bagi semua lapisan pengguna. Maklumat hendaklah dikemas kini secara berkala supaya sentiasa terkini.

04 ●

Di JDN, papan digital yang digunakan untuk paparan maklumat/ perkhidmatan JDN adalah dalam bentuk LED *digital signage* dan *standee display*. Papan digital yang dilengkapi dengan teknologi skrin sentuh pintar ini menyediakan pengalaman yang lebih interaktif kepada pengguna.



05 Kemudahan Infrastruktur Perkhidmatan Digital



Nota: Sebarang permohonan pemasangan kios MyDigital ID di agensi perlulah dikemukakan kepada Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA), Majlis Keselamatan Negara (MKN).

05 PENUTUP

Inisiatif Wajah Digital di Lobi Pejabat Kerajaan diperkenalkan sebagai imej baharu kepada lobi pejabat kerajaan di peringkat kementerian yang mengadaptasi penggunaan teknologi digital.

Inisiatif ini digalakkan untuk dilaksanakan oleh kementerian tertakluk kepada ketersediaan dan keboleh laksanaan di peringkat kementerian masing-masing.

Panduan yang disediakan ini boleh menjadi rujukan kepada kementerian dalam melaksanakan inisiatif Wajah Digital Lobi Pejabat Kerajaan dan boleh dipanjangkan kepada jabatan/agensi di bawah kawalannya.

PEMAKAIAN PANDUAN:

Panduan ini hendaklah dibaca bersama dengan garis panduan/pekeliling/peraturan lain yang sedang berkuat kuasa berkenaan keselamatan fizikal, keselamatan siber, perkhidmatan kaunter dan lain-lain yang berkaitan bagi meningkatkan kebersamaan, komprehensif dan pendekatan keseluruhan kerajaan (Whole-of-Government).

06

**MAKLUMAT
PERHUBUNGAN**

MAKLUMAT PERHUBUNGAN

JDN sedia membantu kementerian dalam memberikan penerangan lanjut berkaitan elemen Wajah Digital Kerajaan Lobi Pejabat Kerajaan yang telah dilaksanakan di JDN.

Bahagian Pembangunan Strategik dan Arkitektur Digital
Jabatan Digital Negara
Aras 1-6,
Bangunan MKN Embassy Techzone
Blok B, No. 3200 Jalan Teknokrat 2
63000 Cyberjaya, Sepang
Selangor Darul Ehsan

Tel : 603-8000 8000

Pertanyaan: Melalui Borang Maklum Balas JDN
(<https://www.jdn.gov.my/maklumbalas-cadangan-aduan-portal/>)

